



PENGHAKIMAN TERAKHIR

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Penghakiman Terakhir

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Penghakiman Terakhir



¹¹Kemudian aku nampak sebuah takhta besar berwarna putih dan Dia yang duduk di atasnya. Langit dan bumi lari dari hadirat-Nya, sehingga tidak kelihatan lagi. ¹²Aku nampak orang yang sudah mati, baik orang besar maupun orang biasa, semuanya berdiri di hadapan takhta itu. Lalu kitab-kitab pun dibuka dan sebuah kitab lain juga dibuka yaitu Kitab Orang Hidup. Orang yang sudah mati dihakimi menurut perbuatan mereka seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab itu. ¹³Lalu laut menyerahkan orang mati yang ada di dalamnya. Maut dan alam maut pun menyerahkan orang mati yang di situ. Semua orang mati diadili menurut perbuatan masing-masing. ¹⁴Kemudian maut dan alam maut dibuang ke dalam lautan api. (Lautan api ini kematian tahap kedua.) ¹⁵Sesiapa yang namanya tidak tertulis di dalam Kitab Orang Hidup dibuang ke dalam lautan api.

(Wahyu 20:11-15)

Biasanya kita tidak selesa bercakap tentang kematian, apa lagi tentang apa yang berlaku selepas kematian. Sesungguhnya kematian merupakan perkara terakhir yang ingin kita sentuh, sekiranya kita berpeluang berbuat demikian. Namun begitu, kematian

merupakan perkara yang pasti. Bagi orang Kristian, kematian bukanlah satu penamat. Sebaliknya, ia merupakan sebuah permulaan yang gemilang. Alkitab menyatakan kematian sebagai permulaan bagi satu kehidupan yang jauh lebih memuaskan daripada yang alami sekarang.

Oleh itu, apakah yang dinyatakan oleh Alkitab tentang perkara-perkara terakhir? Kita tidak akan membincangkan semua tafsiran tentang hari-hari terakhir sebelum kedatangan Yesus. Sebaliknya kita akan memberikan tumpuan kepada hal yang sudah didedahkan seperti kematian fizikal, kebangkitan, kedatangan Yesus yang kedua kali, penghakiman dan sifat kehidupan selepas kebangkitan.

A. Kematian Fizikal

1. Sifat Manusia dan Kematian

Apakah yang akan berlaku ketika kematian terjadi? Sumber rujukan kita adalah Kitab Suci itu sendiri. Terdapat kontroversi tentang adakah Kitab Suci berbicara tentang manusia terdiri daripada tiga unsur (jasad, jiwa, roh) ataupun dua (jasad dan roh). Di dalam buku ini, kita akan membincangkan bahawa manusia terdiri daripada dua unsur, yakni roh dan jasad. Jasad adalah bahagian fizikal, manakala roh adalah bahagian bukan fizikal.

Kisah penciptaan manusia yang pertama boleh didapati di dalam Kejadian 2:7, di mana Allah

mencipta manusia pertama daripada debu tanah, kemudian menghembuskan nafas kehidupan ke dalamnya. Apa yang terjadi kepada manusia itu?

“Kemudian TUHAN Allah mengambil sedikit tanah dan membentuk manusia, lalu menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya; maka hiduplah manusia itu.” (Kej 2:7)

Walaupun manusia mempunyai dua unsur, harus ditekankan bahawa kita adalah makhluk bersepadu.

Sifat dosa (Roma 3:23) dan hakikat bahawa hukuman untuk dosa ialah kematian (Roma 6:23) membawa kepada kesimpulan bahawa kematian ialah satu perkara yang pasti akan dilalui oleh semua orang. Semua orang akan menemui kematian kerana kita semua telah berdosa. Tiada yang terkecuali daripada kematian kecuali Yesus Kristus. Kematian yang telah dilalui-Nya adalah untuk kita semua.

“Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka.”

(Rm 3:23)

“Kematian adalah upah dosa, tetapi hidup sejati dan kekal bersama-sama Kristus Yesus Tuhan kita adalah anugerah Allah.”

(Rm 6:23)

Pengkhotbah 12:7 menjelaskan tentang kematian manusia. Menurut ayat ini, apakah yang terjadi kepada jasad fizikal dan juga roh pada saat kematian?

“Tubuh kita akan kembali menjadi debu di bumi. Nafas kehidupan kita akan kembali kepada Allah yang memberikannya kepada kita.” (Pkh 12:7)

Di dalam Perjanjian Baru, Yesus Kristus menyatakan tentang dua sifat manusia ini di dalam Matius 10:28. Terdapat perbezaan di antara benda fizikal dan yang bukan fizikal.

“Janganlah takut akan mereka yang membunuh badan, tetapi tidak berkuasa membinasakan roh. Tetapi takutlah akan Allah yang berkuasa membinasakan baik badan mahupun roh di dalam neraka.” (Mat 10:28)

Jadi pada saat kematian, kehidupan (roh) meninggalkan tubuh dan badan fizikal akhirnya kembali menjadi debu. Mungkin anda tertanya-tanya, mengapakah orang Kristian juga turut mati sekiranya dosa mereka telah dihapuskan oleh Yesus di kayu salib? Umat Allah tidak akan mengalami dahsyatnya kematian terpisah daripada Allah di akhir zaman,

tetapi kita dilepaskan daripada bisa kematian sewaktu menemui ajal jasmani nanti. Rujuk 1 Korintus 15:26, 55-57.

²⁶Musuh yang terakhir yang akan ditaklukkan ialah kematian...

⁵⁵ "Hai maut, di manakah kemenanganmu? Hai maut, di manakah sengatmu?" ⁵⁶Sengat maut itu dosa, dan dosa mendapat kuasa daripada Taurat. ⁵⁷Tetapi kita bersyukur kepada Allah yang memberikan kemenangan kepada kita melalui Yesus Kristus Tuhan kita! (1 Kor 15:26, 55-57)

2. Kematian Orang Percaya dan Tidak Percaya

Roh kedua-dua orang yang percaya dan orang yang tidak percaya akan terus berada di dalam keadaan sedar selepas kematian, menunggu hari kebangkitan. Pada saat kematian, orang percaya dibawa ke dalam hadirat Kristus dengan serta merta. Rujuk Lukas 23:43 dan 2 Korintus 5:1-8.

"Yesus berkata kepadanya, "Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus." (Luk 23:43)

Roh mereka disucikan dengan sempurna ketika kematian. Baca Ibrani 12:23.

"Kamu telah datang ke perhimpunan yang meriah, perhimpunan anak-anak sulung Allah, yang nama mereka terdaftar di syurga. Kamu sudah datang kepada Allah yang menghakimi semua orang, dan kepada roh-roh orang baik yang sudah disempurnakan." (Ibr 12:23)

Akan tetapi, roh orang tidak percaya akan dibawa kepada suatu tempat yang dinamakan neraka.

“Kemudian Raja itu akan berkata kepada kumpulan orang di sebelah kiri-Nya, ‘Pergi dari sini, hai kamu yang dikutuk Allah! Pergilah ke dalam api yang tidak dapat padam yang telah disediakan oleh Allah untuk Iblis dan malaikat-malaikatnya!’ (Mat 25:41)

Rujuk Matius 25:41 dan cari tahu siapa yang akan menuju ke neraka.

Di sana mereka akan terus mengalami penderitaan dan kesengsaraan yang tidak kunjung tamat. Yudas 6 dan 7 menggambarkan keadaan ini.

⁶Ingatlah akan malaikat-malaikat yang melampaui batas kekuasaan yang telah diberikan oleh Allah, sehingga meninggalkan tempat kediaman mereka. Allah membelenggu malaikat-malaikat itu dengan rantai abadi, di tempat yang gelap di bawah bumi. Allah menahan mereka di situ sehingga Hari Kiamat apabila mereka akan dihukum. ⁷Penduduk kota Sodom, Gomora, dan bandar-bandar di sekitarnya berbuat seperti malaikat-malaikat tersebut. Orang di situ melakukan perbuatan cabul dan lucah. Kota-kota itu dan penduduknya dimusnahkan oleh api yang kekal. Hukuman itu dijadikan amaran bagi semua orang. (Yud 6,7)

Kedua-dua masih belum berada di peringkat terakhir sehingga tibanya hari kebangkitan. Tidak ada pertukaran di antara kedua-dua keadaan manusia selepas kematian.

B. Kebangkitan

Alkitab mengajar kita bahawa Yesus merupakan peribadi pertama yang bangkit dari kematian. Paulus mengulas hal ini di dalam Kisah Rasul-Rasul 26:23. Dia akan kembali pada masa yang tidak diketahui untuk membangkitkan seluruh umat manusia.

“Mereka mengatakan bahawa Penyelamat yang diutus oleh Allah harus mengalami penderitaan, dan menjadi orang pertama yang bangkit daripada kematian. Dengan demikian Dia mengisytiharkan penyelamatan kepada orang Yahudi dan bukan Yahudi. Penyelamatan itu seperti cahaya bagi mereka.”

(Kis 26:23)

Mereka yang percaya kepada Yesus akan dibangkitkan dan akan hidup seperti-Nya. Baca 1 Korintus 15:20-23 dan Filipi 3:20-21.

²⁰Tetapi sebenarnya Kristus sudah dibangkitkan daripada kematian. Itulah jaminan bahawa mereka yang sudah mati akan dibangkitkan juga. ²¹Hal itu demikian kerana sebagaimana kematian datang ke dunia melalui satu orang, begitu juga kebangkitan daripada kematian diberikan melalui satu orang. ²²Sebagaimana semua orang mati kerana tergolong satu dengan Adam, begitu juga semua orang akan dihidupkan semula kerana tergolong satu dengan Kristus. ²³Masing-masing akan dihidupkan semula menurut gilirannya: mula-mula Kristus; kemudian mereka yang menjadi milik-Nya akan dihidupkan semula ketika Kristus datang lagi.

(1 Kor 15:20-23)

²⁰Tetapi kewarganegaraan kita di syurga. Dengan penuh harapan kita menanti-nantikan kedatangan Penyelamat kita, Tuhan Yesus Kristus dari syurga. ²¹Dia akan mengubah tubuh kita yang lemah dan fana ini, menjadi seperti tubuh-Nya sendiri yang mulia itu. Dia dapat melakukan hal itu kerana Dia memiliki kuasa untuk menaklukkan segala sesuatu. (Flp 3:20-21)

1. Kebangkitan Tubuh

Roh dan tubuh yang dipisahkan sewaktu kematian akan disatukan semula. Baca 2 Korintus 5:1-5. Apakah yang disebutkan tentang tubuh baru ini?

¹Kami berkata demikian kerana kami tahu bahawa apabila khemah - iaitu tubuh yang kita diami di dunia ini - dirobohkan, Allah akan menyediakan tempat tinggal di syurga bagi kita. Tempat tinggal itu dibuat oleh Allah sendiri, dan tahan selamanya. ²Dalam keadaan yang sekarang ini, kita mengeluh kerana sangat rindu untuk tinggal di khemah yang baru, yang dari syurga. ³Kita ingin dipakaikan tubuh yang baru itu, supaya kita tidak telanjang. ⁴Selama kita tinggal di dalam khemah di dunia ini, kita mengeluh kerana beban kita berat. Bukannya kita ingin meninggalkan tubuh kita yang di dunia ini, tetapi kita ingin dipakaikan tubuh yang dari syurga. Dengan demikian tubuh kita yang fana akan diubah oleh tubuh yang abadi. ⁵Allah sudah mempersiapkan kita untuk perubahan itu, dan Dia mengurniakan kita Roh-Nya sebagai jaminan bagi segala sesuatu yang disediakan-Nya untuk kita. (2 Kor 5:1-5)

Tubuh kita pada waktu ini merupakan jasad semula jadi. Ia tertakluk kepada kelemahan, kereputan dan juga kematian. Tubuh baru yang akan dikurniakan oleh Allah adalah berbeza sama sekali. Ia kepunyaan suatu peraturan baru dan bersifat rohani. Dalam 2 Korintus 15:35-54, Paulus meng-

gambarkan persamaan dan perbezaan ini sebagai benih yang membesar menjadi tumbuhan. Sesungguhnya, tumbuhan itu kelihatan berbeza daripada benih, tetapi kedua-duanya adalah benda yang sama. Terdapat perbezaan yang sangat besar namun kesinambungannya tetap ada. Umat Kristian akan dapat mengenali orang-orang tersayang mereka.

Tubuh kita sekarang merupakan alat yang lemah untuk mempamerkan kuasa penjaanaan semula di dalam Kristus. Umat Kristian bergelut dengan kelemahan seperti kemarahan, nafsu dan kemurungan di dalam tubuh mereka. Tetapi tubuh yang dibangkitkan akan menepati sifat Kristian yang telah disempurnakan.

2. Pemuliaan

Penyucian merupakan satu proses untuk tunduk dan patuh kepada kehendak Roh Kudus. Kita belajar untuk mati terhadap dosa tetapi hidup terhadap Tuhan serta menurut sifat yang telah diperbaharui. Akan tetapi kita akan tetap bergelut dan ingin disempurnakan di dalam kesucian. Perkara tersebut akan tiba. Ia dipanggil sebagai pemuliaan. Allah akan menyempurnakan pekerjaan agung-Nya di dalam hidup kita, seperti mana yang telah dijanjikan di Filipi 1:6. Dia akan mengubah kita dengan kuasa-Nya menjadi ciptaan tanpa dosa dengan tubuh yang tidak dikuasai kematian.

C. Kedatangan Kristus Yang Kedua Kali

Walaupun terdapat banyak pengertian berbeza tentang peristiwa-peristiwa yang bakal berlaku sebelum kedatangan Yesus, tetapi tiada kontroversi terhadap kenyataan di mana Yesus akan kembali di dalam kemuliaan. Tuliskan apa yang anda temui dari ayat-ayat yang berikut tentang kedatangan Yesus yang kedua kali:

“Oleh itu, kamu pun hendaklah sentiasa bersedia, kerana Anak Manusia akan datang pada saat yang tidak kamu sangka.”
(Mat 24:44)

Matius 24:44

“Hai orang Galilea,” kata kedua-dua orang itu, “mengapa kamu berdiri menengadah ke langit? Yesus, yang kamu lihat diangkat ke syurga, akan kembali lagi dengan cara yang sama seperti yang kamu lihat tadi.”(Kis 1:11)

Kisah Rasul-Rasul 1:11

“Hanya Kristus yang dapat menyebabkan hidup kamu betul-betul berarti, dan apabila Dia menampakkan diri lagi di bumi, kamu juga akan bersama-sama Dia dan menikmati kemuliaan-Nya!” (Kol 3:4)

Kolose 3:4

“Sekarang hadiah kemenangan menantikan aku. Pada Hari Kiamat, Tuhan, Hakim yang adil akan menyerahkan hadiah itu kepadaku, kerana aku telah hidup menurut kehendak-Nya. Bukan aku sahaja yang akan menerimanya, tetapi juga semua orang yang menantikan kedatangan-Nya dengan penuh kerinduan.” (2 Tim 4:8)

2 Timotius 4:8

“Demikian juga Kristus dipersembahkan sebagai korban satu kali sahaja untuk menghapuskan dosa banyak orang. Dia akan menunjukkan diri sekali lagi, bukan untuk menyelesaikan masalah dosa, tetapi untuk menyelamatkan orang yang menantikan Dia.” (Ibr 9:28)

Ibrani 9:28

“Jika seseorang malu mengakui Aku dan ajaran-Ku pada zaman yang derhaka dan jahat ini, Anak Manusia juga akan malu mengakui orang itu, apabila Dia datang kelak dengan kemuliaan Bapa-Nya beserta malaikat-malaikat-Nya yang suci.” (Mrk 8:38)

Markus 8:38

“Lihatlah, Dia datang dengan awan! Semua orang akan melihat Dia, termasuk juga mereka yang sudah membunuh Dia. Semua bangsa di bumi akan meratap kerana Dia. Ya, tentu! Amin!”
(Why 1:7)

Wahyu 1:7

Berikut adalah beberapa proses yang menandakan kedatangan Yesus.

- a) Dunia akan mendengar injil (Matius 24:14)
- b) Bangsa Yahudi akan dibawa masuk ke dalam Kerajaan Allah (Roma 11:25:29)
- c) Akan muncul nabi-nabi palsu, Kristus palsu, kemurtadan dan kesusahan. (Matius 24:5 & 24;

1 Yohanes 2:18 & 22, 4:3; 2 Tesalonika 2:3; 1 Timotus 4:1; 2 Timotus 3:1-5; Wahyu 7:13, 14, 3:10).

- d) Seorang manusia durhaka misteri akan muncul (2 Tesalonika 2:3). Tetapi waktu kedatangan Yesus tidak di ketahui sama sekali.

Kedatangan Yesus yang kedua kali akan merupakan penamat kehidupan di dunia ini dan juga permulaan untuk kehidupan yang serba baru. Apa yang penting bagi umat Kristian ialah untuk tidak membuat spekulasi tentang kedatangan Yesus (yang tidak diketahui). Sebaliknya kita harus sentiasa bersedia. Kita harus menjalani kehidupan Kristian setiap hari, melaksanakan sebarang tugas yang telah diberikan dan dipanggil oleh Tuhan.



D. Hari Penghakiman

Berikut adalah peristiwa-peristiwa yang akan berlaku susulan kedatangan Yesus. Semua manusia tanpa mengira umur akan dibangkitkan untuk dihakimi oleh Hakim, Yesus Kristus (Matius 13:40-43, 25:41-46, Yohanes 5:22-30, Kisah Rasul-Rasul 10:42, 2 Korintus 5:10; 2 Timotus 4:1, Ibrani 9:27; 10:25-31, 12:23, Yudas 6 & 7, Wahyu 20:11-15)



Semua orang perlu memberi penerangan tentang diri mereka di hadapan Allah. Mereka yang mengenali Yesus serta nama mereka tertulis di dalam Buku Kehidupan akan dianugerahkan harapan mereka berdasarkan pendamaian penuh Kristus. Yang lain akan menerima nasib setimpal dengan pengetahuan mereka terhadap kehendak Allah (Roma 2:12).

Pada waktu dan tempat tersebut, Allah akan terbukti sebagai berdaulat dan adil. Hari Penghakiman akan mendedahkan semua orang dan semua perkara (1 Korintus 4:5). Mereka yang hanya menjadi 'Kristian bibir' sahaja tanpa mengalami perubahan di hati akan turut dihakimi (Matius 18:23-25, 25:34-46).

E. Syurga

1. Apa itu Syurga?

Alkitab menggambarkan syurga sebagai sebuah tempat, tetapi ia tidak menyerupai apa yang kita ketahui kerana elemen masa sudah tidak wujud lagi. Syurga ialah tempat kediaman Allah (Mazmur 33:13,14) dan juga di mana takhta-Nya berada (Mazmur 2:4).

Kristus yang telah dimuliakan telah kembali ke tempat ini, (Kisah Rasul-Rasul 1:11). Di syurga inilah pengikut Kristus akan bersama dengan-Nya untuk selama-lamanya (Yohanes 17:5, 24; 1 Tesalonika 4:16,17).

Ia juga dirujuk sebagai sebuah tempat berehat (Yohanes 14:2), sebuah kota (Ibrani 11:10) dan sebuah wilayah (Ibrani 11:16).



2. *Gambaran Syurga untuk Kita*

Kita akan memiliki tubuh kebangkitan baru yang sesuai dengan kehidupan di syurga (2 Korintus 5:1-8). Dengan tubuh inilah kita akan melihat kemuliaan Bapa dan Anak (1 Yohanes 3:2).

Kitab Suci memberi kepastian bahawa kehidupan di syurga berbeza daripada sebarang pengalaman kehidupan di bumi ini. Segala perhubungan sama ada dengan Allah, umat Kristian atau sebarang ciptaan adalah sempurna serta bebas daripada batasan dan kegagalan. Kehidupan di syurga adalah bebas daripada segala kesakitan, kejahatan, ketegangan atau kesusahan. Setiap nikmat anugerah Allah yang kita mampu ketahui akan ada di sana (Wahyu 7:13-17 dan 21:1-22:5).

F. *Neraka*

1. *Apa itu Neraka?*

Kita mengetahui tentang neraka daripada kata-kata Yesus dan para rasul di dalam Perjanjian Baru. Yesus merujuk neraka sebagai Gehenna, atau “Ge Hinnom”, yang bermaksud “lembah Hinnom.” Ia merujuk kepada sebuah lembah yang terletak di bahagian selatan Yerusalem. Tempat ini merupakan pusat pembuangan sampah yang sentiasa terbakar. Bangkai binatang dan penjenayah juga dibuang ke dalam api yang menyala. Baca petikan berikut untuk rujukan lanjut.

“Tetapi orang yang seharusnya menikmati Pemerintahan Allah akan dibuang ke kegelapan di luar; di sana mereka akan menangis dan menderita.” (Mat 8:12)

Matius 8:12

“Jika matamu menyebabkan kamu berdosa, cunckillah dan buanglah mata itu! Lebih baik kamu hidup dengan Allah tanpa sebelah mata, daripada kamu dibuang ke dalam api neraka dengan kedua-dua belah mata.” (Mat 18:9)

Matius 18:9

⁷Dia pun akan memberikan kelegaan kepada kamu yang menanggung penderitaan dan juga kepada kami. Allah akan melakukan hal ini apabila Tuhan Yesus turun dari syurga dan menampakkan diri dengan malaikat-malaikat-Nya yang perkasa, ⁸dan dengan api yang bernyala-nyala. Dia datang untuk menghukum orang yang tidak mahu mengakui Allah dan orang yang tidak mahu mentaati Berita Baik tentang Yesus Tuhan kita. ⁹Mereka akan menerima hukuman kebinasaan selama-lamanya; mereka akan terpisah daripada hadirat Tuhan dan kekuasaan-Nya yang mulia. (2 Tes 1:7-9)

2 Tesalonika 1:7-9

⁴¹Kemudian Raja itu akan berkata kepada kumpulan orang di sebelah kiri-Nya, 'Pergi dari sini, hai kamu yang dikutuk Allah! Pergilah ke dalam api yang tidak dapat padam yang telah disediakan oleh Allah untuk Iblis dan malaikat-malaikatnya! ⁴²Ketika Aku lapar, kamu tidak memberi Aku makan; ketika Aku dahaga, kamu tidak memberi Aku minum. ⁴³Aku seorang asing, tetapi kamu tidak menyambut Aku ke dalam rumah kamu. Aku tidak berpakaian, tetapi kamu tidak memberi Aku pakaian. Aku jatuh sakit dan dipenjarakan, tetapi kamu tidak melawat Aku.' ⁴⁴Lalu mereka akan berkata kepada-Nya, 'Ya Tuhan, bilakah kami nampak Tuhan lapar, atau dahaga, atau sebagai orang asing, atau tidak berpakaian, atau sakit, atau dipenjarakan, dan kami tidak menolong Tuhan?' ⁴⁵Raja itu akan menjawab, 'Ketahuilah bahawa pada waktu kamu tidak mahu menolong salah seorang yang hina, kamu tidak mahu menolong Aku.' ⁴⁶Kemudian semua orang itu akan menderita hukuman yang kekal, sedangkan mereka yang melakukan kehendak Allah akan menerima hidup sejati dan kekal."
(Mat 25:41-46)

Matius 25:41-46

"Mereka seperti ombak ganas di laut, yang membuihkan perbuatan memalukan. Mereka seperti bintang mengembara, yang tempatnya telah disediakan oleh Allah dalam kegelapan yang paling dahsyat untuk selama-lamanya." (Yud 13)

Yudas 13

“Kemudian Iblis yang telah menipu mereka itu dibuang ke dalam lautan api dan belerang. Di situlah tempat binatang itu dan nabi palsu itu telah dibuang dahulu. Mereka semua akan disiksa siang dan malam untuk selama-lamanya.” (Why 20:10)

Wahyu 20:10

Neraka harus ditanggapi sebagai bukan sekadar tempat di mana Allah tidak hadir, tetapi tempat di mana murka Allah dilimpahkan. Semua imej dan rujukan tersebut memberikan neraka sebagai suatu tempat yang amat mengerikan. Ia jauh lebih buruk daripada segala apa yang kita dapat bayangkan.



2. *Siapa yang Akan Masuk ke Neraka?*

Alkitab mengajar dengan jelas bahwa neraka ialah sebuah pilihan. Mereka yang menujuinya akan sadar bahwa mereka telah memilih untuk terus berdosa dan tidak mempercayai Allah Bapa yang mencintai

serta menghulurkan tangan-Nya kepada mereka ketika mereka masih bernyawa. Mereka memilih kepalsuan, bukan kebenaran (2 Tesalonika 2:9-11). Mereka menyembah benda yang dicipta dan bukan Allah Pencipta. Perbuatan ini menyangkal kewujudan Allah di dalam alam semulajadi (Roma 1:18-23). Seperti mana yang ditulis oleh C.S. Lewis - “Kunci pintu neraka terletak di sebelah dalam”.

Soalan Untuk Perbincangan

1. Pada pendapat anda, adakah penting untuk mengetahui fakta-fakta di dalam buku ini? Bincang jawapan anda.

2. Anda mungkin pernah mendengar kenyataan ini mengenai orang Kristian, “Fikiran mereka terlalu tertumpu kepada syurga, sehingga tidak menyumbang kepada apa-apa kebaikan di atas bumi”. Apakah pendapat anda?

3. Bagaimanakah tingkah-laku kita dipengaruhi apabila kita mengetahui apa yang akan berlaku kelak?

4. Orang Kristian cenderung untuk tidak mahu berbicara tentang neraka. Adakah ini benar? Bincangkan.

NOTA
